

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN   |
| Date      | 22 JANUARY 2017 |

ISU SERAH JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA DAP

# PAS bidas sikap mudah lupa Pengerusi PPBM

BH - 22/1/2017

**Shah Alam:** PAS membidas Tun Dr Mahathir Mohamad yang membuat pusing U mengenai parti manakah yang menuntut jawatan Timbalan Perdana Menteri, sekali gus membuktikan bekas Perdana Menteri itu seorang yang mudah lupa.

Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang, berkata ia bertentangan dengan prinsip beliau sendiri yang sering mengingatkan rakyat terutama orang Melayu untuk tidak lupa mengenai sejarah perjuangan, pembentukan serta kedudukan negara sehingga ke hari ini.

"Mana-mana rakyat yang menuhut atau bersetuju dengan pendirian Dr Mahathir dalam isu jawatan Timbalan Perdana Menteri kepada DAP, adalah termasuk golongan yang mudah lupa.

"Kenyataan (Dr Mahathir) itu untuk orang Melayu, Cina dan India yang mudah lupa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

Himpunan Muslimat Muda di sini, semalam.

Khamis lalu, Pengerusi Parti Prihumi Bersatu (PPBM) itu mengesahkan DAP ada meminta diberikan jawatan Timbalan Perdana Menteri, jika pakatan pembangkang menang pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Dr Mahathir berkata, perkara berkenaan disuarakan sendiri oleh DAP, yang mahu jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan diserahkan kepada seorang daripada pemimpin parti terbabit.

Bagaimanapun, dalam kenyataan di bloknya semalam, beliau mendakwa jawatan itu dituntut oleh MCA.

## Berlawanan konsep PAS

Ditanya mengenai rundingan kerjasama antara PAS dengan PPBM, Hadi berkata, cadangan itu masih sukar untuk dimuktamadkan, malah menganggap gabungan politik bersama DAP, PAN, PKR dan PPBM

tidak sesuai dengan konsep perjuangan PAS.

"Konsep kita ialah untuk mewujudkan kepemimpinan bersih dan berwibawa, manakala mereka (gabungan DAP, PAN, PKR dan PPBM) lebih menumpukan untuk ubah kerajaan sahaja. PAS tidak ada masalah jika berlaku pertembungan tiga atau empat penjurua pada PRU nanti," katanya.

## Sukar laksana perjanjian

Di Kuala Lumpur, Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata perjanjian antara Dr Mahathir dan DAP membabitkan jawatan Perdana Menteri dan timbalannya jika pembangkang menguasai Putrajaya pada PRU sukar untuk dilaksanakan.

"Jika benar wujud perjanjian itu, ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana pembentukan kerajaan memerlukan pembabitkan dan persetujuan banyak pihak," katanya.



Keratan akhbar BH kelmarin.